

Penyataan manakah yang benar tentang perakaunan?

- I. Perakaunan skopnya lebih kecil berbanding simpan kira
 - II. Perakaunan hanya melibatkan proses merekodkan urusan niaga
 - III. Perakaunan meliputi aktiviti merancang dan mengawal aktiviti perniagaan
 - IV. Perakaunan membantu pengurusan membuat keputusan
-
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. III dan IV
 - D. II dan III


Jawapan :

Apakah tujuan simpan kira?

- I. Merekod dan mengenalpasti semua urusan niaga dalam nilai wang
 - II. Merancang dan mengawal aktiviti perniagaan
 - III. Menganalisis rekod perakaunan
 - IV. Membekalkan maklumat perakaunan untuk membantu peniaga membuat keputusan dan perancangan
-
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. III dan IV
 - D. II dan III

Jawapan :

Soalan A dan soalan B berdasarkan rajah di bawah.



A. Apakah aktiviti X dalam rajah di atas?

- A. Buku tunai
- B. Jurnal Am
- C. Jurnal Khas
- D. Buku Catatan Pertama

Jawapan :

B. Apakah berikut yang manakah terkandung dalam aktiviti Y pada rajah di atas?

- I. Belanja terakru dan belanja terdahulu
- II. Hasil terakru dan hasil terdahulu
- III. Susut nilai
- IV. Penyata Pendapatan

- A. I, II, dan III
- B. I, III, dan IV
- C. II, III, dan IV
- D. I, II dan IV

Jawapan :

Siapakah yang menjadi pengguna dalaman penyata kewangan?

- A. Kerajaan
- B. Bank
- C. Pelabur
- D. Pihak Pengurusan

Jawapan :

Dokumen manakah yang merupakan sumber untuk merekod penerimaan tunai

- A. Keratan cek
- B. Invois
- C. Baucar pembayaran
- D. Resit Rasmi

Jawapan :

Penyataan manakah yang benar mengenai Buku Tunai?

- A. Merekodkan pembelian aset bukan semasa secara kredit
- B. Merekod penerimaan dan pembayaran tunai dan cek
- C. Merekod ambilan stok perniagaan
- D. Merekodkan belian dan jualan kredit

Jawapan :

Urusniaga manakah yang direkod di dalam Buku Tunai?

- I. Hantar invois bernilai RM1,200 kepada Kedai Razak
- II. Terima nota debit bernilai RM500 daripada pembekal Chuah
- III. Terima resit bernilai RM2,500 daripada Pemborong Kurnia
- IV. Terima bil tunai bernilai RM860 daripada Syarikat Bina Bersama

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

Jawapan :

Petikan Buku Tunai yang berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

Buku Tunai					
	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
	2019		RM	RM	RM
	Mac 4	Syarikat Pintar		500	

Dokumen manakah yang digunakan sebagai sumber catatan bagi urusanniaga tersebut?

- A. Slip daftar tunai
- B. Keratan cek
- C. Bil tunai
- D. Resit

Jawapan :

Pasangan manakah yang betul untuk merekodkan urusanniaga dalam Buku Catatan Pertama?

	Urusniaga	Buku Catatan Pertama
A.	Terima urusanniaga daripada pembekal barang niaga	Jurnal Am
B.	Terima nota debit kerana invois terkurang caj	Jurnal Pulangan Belian
C.	Kirim nota kredit kerana pemulangan barang rosak	Jurnal Pulangan Belian
D.	Terima invois kerana pembelian van serahan	Jurnal Am

Jawapan :